

SULIT



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS : BIMBINGAN DAN KAUNSELING

KOD KURSUS : BBD 30302

KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBC/ BBE/ BBG

TARIKH PEPERIKSAAN : JANUARI / FEBRUARI 2022

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : 1. JAWAB SEMUA SOALAN

2. PEPERIKSAAN AKHIR INI  
ADALAH PENTAKSIRAN SECARA  
**DALAM TALIAN DAN**  
**DILAKSANAKAN SECARA TUTUP**  
**BUKU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGIDUA PULUDUA (22) MUKA SURAT**

SULIT

**TERBUKA**

## SULIT

BBD 30302

- S1** “Tanpa perhatian dan tiada kefahaman, maka komunikasi tidak akan wujud’. Apakah kemahiran yang sesuai dengan pernyataan tersebut?
- A. Kemahiran refleksi
  - B. Kemahiran mendengar
  - C. Kemahiran memahami
  - D. Kemahiran berkomunikasi
- S2** Berikut ialah jenis perkhidmatan bimbingan di sekolah kecuali
- A. perkhidmatan kebajikan
  - B. perkhidmatan penempatan
  - C. perkhidmatan pendidikan pencegahan dadah
  - D. perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kelompok
- S3** Apakah pengertian bimbingan secara umum?
- A. Perbuatan membimbing, memberi petunjuk, huraihan dan lain-lain
  - B. Suatu proses membantu individu memahami dunia dan diri mereka
  - C. Perbuatan membimbing, memberi petunjuk atau memimpin seseorang
  - D. Proses menolong, memberi arahan dan mendapat maklumat yang sesuai
- S4** Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas kaunseling yang utama. Oleh itu, semasa sesuatu sesi kaunseling berlangsung, pelbagai proses perlu dilaksanakan dengan teliti supaya dapat memahami masalah klien dengan baik. Antara berikut, manakah bukan proses tersebut?
- A. Bagaimana diperkatakan
  - B. Kekalkan tumpuan dan fahami
  - C. Konteks situasi kata-kata itu diluahkan
  - D. Pergerakan tubuh badan semasa berkata-kata
- S5** Antara berikut, pernyataan mana bukan prinsip bimbingan yang perlu dipatuhi oleh seseorang guru bimbingan dan kaunseling semasa mengendalikan sesi bimbingan?
- A. Cuba menyelesaikan masalah klien dengan segera
  - B. Sentiasa mengutamakan klien dalam perbincangan
  - C. Bersedia menerima klien mengikut keadaan dan situasi
  - D. Bertindak secara profesional untuk mengelakkan hubungan tidak sihat
- S6** Berikut merupakan kemahiran refleksi kaunselor kecuali
- A. refleksi perasaan
  - B. refleksi autonomi
  - C. refleksi pengalaman
  - D. refleksi isi

## SULIT

BBD 30302

- S7** Antara pernyataan berikut, mana tidak tepat menerangkan guru biasa serta guru bimbingan dan kaunseling?
- A. Kedua-duanya terlibat dalam interaksi bersama murid
  - B. Kedua-duanya berperanan dalam mencapai kesejahteraan murid
  - C. Kedua-duanya berhasrat untuk mencapai kecemerlangan diri murid
  - D. Kedua-duanya mendapat latihan khusus dalam bimbingan dan kaunseling
- S8** Apakah definisi kebolehpercayaan ujian dalam kaunseling?
- A Menentukan kesesuaian dan kebolehgunaan sesuatu instrumen ialah kesahan dan kebolehpercayaan
  - B Konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran merentasi masa terhadap sesuatu gagasan
  - C Persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur trait yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan
  - D Memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan dalam konsep yang diukur itu
- S9** Antara berikut, mana merupakan kod tata laku guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa?
- I Tanggungjawab terhadap klien
  - II Tanggungjawab terhadap masyarakat
  - III Tanggungjawab terhadap keluarga klien
  - IV Tanggungjawab terhadap rakan profesional
  - A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S10** “Cikgu Danial merupakan guru Bahasa Melayu. Beliau sangat rapat dengan pelajar-pelajarnya sehingga boleh menasihati mereka bila-bila masa sahaja”. Apakah bimbingan yang sesuai dengan situasi tersebut?
- A. Bertindak sebagai kaunselor profesional
  - B. Menjalankan aktiviti inventori dan rekod pelajar
  - C. Pelajar-pelajar perlu serta bimbingan secara sukarela
  - D. Merupakan guru yang dilantik untuk menjalankan aktiviti kaunseling
- S11** Seorang pelajar telah ditangkap menghisap rokok di tepi padang sekolah semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Dia telah dibawa berjumpa dengan kaunselor untuk sesi kaunseling. Jika anda merupakan kaunselor tersebut, apakah sifat yang perlu anda ada semasa mengendalikan sesi kaunseling ini?
- A. Ketepatan
  - B. Ketulenan
  - C. Tidak menghukum
  - D. Penerimaan dan kemesraan

TERBUKA

## SULIT

BBD 30302

**S12** Antara berikut, mana menunjukkan turutan prosedur proses kaunseling yang tepat?

- I Menamatkan sesi
  - II Menyediakan sesi
  - III Penerokaan masalah
  - IV Mengambil Tindakan
  - V Membincang alternatif
  - VI Membina perhubungan
  - VII Mengenal pasti punca utama masalah
- A. II, III, IV, VI, V, VII, I
  - B. II, VI, III, VII, V, IV, I
  - C. II, VII, III, IV, VI, V, I
  - D. II, III, VI, VII, V, IV, I

**S13** Teori manakah sesuai digunakan untuk merawati seorang individu yang meminta bantuan berkaitan dengan masalah emosinya?

- A. Teori Realiti
- B. Teori Eklektik
- C. Teori Perlakuan
- D. Teori Psikoanalisis

**S14** Perkara semalam yang berlaku tidak boleh difikirkan apabila ditanya tetapi kita boleh mengingat semula perkara yang kita lakukan semalam. Hal ini menunjukkan bahawa akal fikiran berada pada

- A. alam sedar
- B. alam prasedar
- C. alam tidak sedar
- D. alam bawah sedar

**S15** Apakah kesan negatif terhadap sesebuah organisasi jikalau tidak mempunyai perkhidmatan kaunseling?

- A. Sesebuah organisasi tidak akan maju
- B. Sesuatu masalah tidak akan selesai
- C. Orang di sekeliling semakin berasa bermasalah
- D. Tidak diberi panduan untuk mengatasi masalah dalaman

TERBUKA

# SULIT

BBD 30302

Membantu murid memilih aktiviti kokurikulum berdasarkan kebolehan, minat kerjaya pilihan dan kemampuan mereka.

## Penyataan S16

**S16** **Penyataan S16** menunjukkan jenis tugas yang dijalankan oleh unit bimbingan dan kaunseling. Apakah unit yang menerangkan **Penyataan S16**?

- A. Inventori dan rekod
- B. Perkhidmatan kaunseling
- C. Perkhidmatan penempatan
- D. Mengumpul dan memberi maklumat

**S17** Cikgu Masradi mengawal reaksi lisan dan bukan lisan kerana tindakan tersebut memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan rasa percaya klien kepada kaunselor. Apakah fasa yang sedang dilalui oleh Cikgu Masradi dalam prosedur menjalankan proses kaunseling?

- A. Menyediakan sesi
- B. Membina hubungan
- C. Penerokaan masalah
- D. Mengambil tindakan

**S18** Apakah yang dimaksudkan dengan tujuan terapi dalam Teori Psikologi Individu Alfred Adler?

- A. Mengurangi minat sosial
- B. Meningkatkan keberanian
- C. Mendorong kemasyarakatan
- D. Menambahkan perasaan rendah diri

Kaunselor tidak boleh memihak kepada mana-mana pihak yang bersengketa.  
Kaunselor tidak boleh membuat keputusan untuk klien.

## Penyataan S19

**S19** Antara berikut, manakah menunjukkan sifat kaunselor yang dinyatakan oleh **Penyataan S19**?

- A. Ketepatan (*Specificity*)
- B. Ketulenan (*Genuineness*)
- C. Tidak menghukum (*Non-Judgmental*)
- D. Penerimaan dan kemesraan (*Acceptance and Warmth*)

TERBUKA

## SULIT


BBD 30302

- S20** Tindakan ditentukan melalui prinsip realiti iaitu pencapaian matlamat demi memenuhi tenaga libido iaitu sebagai proses sekunder dan dipenuhi dengan cara yang sesuai dengan tuntutan masyarakat sekitarnya. Apakah peringkat struktur personaliti yang dimaksudkan oleh pernyataan tersebut?
- A. Id
  - B. Ego
  - C. Praego
  - D. Superego
- S21** Manakah antara berikut bukan merupakan ciri kaunseling di sekolah?
- A. Krisis
  - B. Pembetulan
  - C. Pencegahan
  - D. Perkembangan
- S22** "Saya keliru untuk memilih haluan hidup saya selepas ini cikgu. Perlukah saya sambung belajar STPM, matrikulasi atau diploma? Boleh cikgu bantu saya?" Tanya Rafika sewaktu berjumpa guru kaunselor sekolahnya. Apakah sifat yang paling tepat perlu ditunjukkan oleh kaunselor tersebut ketika ini?
- A. Ketepatan
  - B. Ketulenan
  - C. Tidak menghukum
  - D. Penerimaan dan kemesraan
- S23** Penyataan bukan kod etika dalam perhubungan kaunseling yang terdapat pada Persetuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA).
- A. Ahli mestilah menyedari keperluan dan hak klien untuk memilih mengikut gerak hati masing-masing
  - B. Tanggungjawab utama ahli ialah menghormati kesepaduan dan memelihara kebajikan klien.
  - C. Ahli-ahli boleh memilih untuk berunding dengan profesional lain yang berkelayakan mengenai seseorang klien.
  - D. Memberi sumbangan cergas dalam meninggikan kehidupan moral kebudayaan dan cendikiawan masyarakat.
- S24** Manakah antara berikut menerangkan definisi inventori dengan tepat?
- A. Laporan berdasarkan pemerhatian terhadap sesuatu kajian atau peristiwa oleh kaunselor
  - B. Usaha guru bimbingan dan kaunseling untuk menganalisis dan menggunakan pelbagai jenis serta sosial yang diperoleh daripada pelbagai jenis inventori
  - C. Pengumpulan maklumat mengenai kanak-kanak secara keseluruhan dan klien secara spesifik
  - D. Sistem fail sebagai indikator perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sistematis dan berkesan

## SULIT

BBD 30302

- S25** Kaunselor membantu klien supaya berfikiran logik dan membantu klien sehingga mencapai objektifnya. Situasi ini menunjukkan bahawa pola hubungan antara perasaan tidak bahagia atau gangguan emosi dan pemikiran logik yang dialami oleh klien. Apakah langkah yang tepat merujuk kepada pernyataan tersebut?
- A. Langkah ABC
  - B. Langkah RET
  - C. Langkah WDEP
  - D. Langkah SOLER
- S26** Antara berikut, manakah bukan aspek utama Terapi Rasional Emotif (RET)?
- A. Kognitif
  - B. Emosi
  - C. Membuat refleksi
  - D. Tingkah laku
- S27** Dalam konteks bimbingan dan kaunseling, apakah kriteria kaunseling perkembangan?
- A. Dijalankan kepada pelajar yang berisiko
  - B. Dijalankan ke atas kes yang memerlukan perhatian
  - C. Dijalankan untuk mendedahkan bahaya kepada masyarakat
  - D. Dijalankan untuk mengadakan program pembangunan pelajar



Rajah S28

- S28** **Rajah S28** menunjukkan lima langkah dalam penerimaan dan kemesraan yang diperlukan oleh seorang kaunselor. Apakah penerangan paling sesuai untuk Langkah 4?
- A. Memahami klien
  - B. Menerima klien tanpa syarat
  - C. Menunjukkan sikap yang mesra
  - D. Menerima klien dengan penuh kerelaan

## SULIT

BBD 30302

**S29** Antara berikut, manakah menunjukkan padanan yang salah?

Aspek	Bimbingan	Kaunselor
A. Profesional	Tidak bertauliah	Bertauliah
B. Tempat	Tiada tempat khusus	Tempat khusus
C. Masa	Masa yang telah ditetapkan	Bila-bila masa
D. Sasaran	Individu, kelompok besar atau kecil	Individu, kelompok kecil

- Memahami bahawa pendidikan sebagai persiapan dalam hidup
- Semua pelajar mendapat peluang yang sama untuk mengembangkan potensi diri
- Mengembangkan pemahaman terhadap diri sendiri dan perkembangan sosial peribadi

### Penyataan S30

**S30** **Penyataan S30** merujuk kepada prinsip

- A. bimbingan kerjaya
- B. bimbingan pelajaran
- C. bimbingan pencegahan dadah
- D. bimbingan peribadi dan sosial

**S31** Peristiwa atau suasana sebelum perlakuan negatif ditunjukkan merupakan rantaian ABC masalah perlakuan. Manakah antara berikut tepat menerangkan penyataan tersebut?

- A. A - *Antecedent*
- B. B - *Behaviour*
- C. C - *Consequence*
- D. C - *Consistency*

**S32** Program Bimbingan dan Kaunseling yang dicadangkan oleh Unit Bimbingan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia mesti berlandaskan kepada ciri-ciri berikut kecuali

- A. melibatkan pelajar secara aktif
- B. menegaskan bimbingan secara individu
- C. meliputi pelbagai aspek perkembangan individu
- D. konsep bersepada iaitu diterapkan melalui kurikulum dan kokurikulum

**S33** Semasa sesi kaunseling, kaunselor akan cuba memberikan penekanan pada ‘di sini’ dan pada ‘ketika ini’ dan elakkan memberi penumpuan kepada peristiwa-peristiwa yang lampau serta perasaan-perasaan yang tidak baik. Apakah teknik yang dijelaskan oleh penyataan tersebut?

- A. Kelucuan
- B. Konfrantasi
- C. Keterlibatan
- D. Main peranan

## SULIT

BBD 30302

- S34 Mengingat kembali masa lalu dengan mempelajari masa lalu kanak-kanak. Penyataan tersebut merujuk kepada
- tujuan terapi
  - teknik terapi
  - prinsip terapi
  - kaedah terapi
- S35 Konsep X menyatakan bahawa kaunselor perlu menjaga batasan dalam perhubungan, tidak cuai serta sentiasa mengekalkan rasa hormatnya kepada klien di samping mengelak daripada melakukan sesuatu untuk kepentingan diri. Antara berikut, manakah konsep X?
- Fidelity*
  - Autonomi*
  - Beneficence*
  - Nonmaleficence*
- S36 Salah satu etika seorang kaunselor ialah tidak berniat jahat. Manakah antara berikut menerangkan dengan tepat tentang etika tersebut?
- Berbuat baik kepada klien
  - Mengelakkan sebarang penipuan
  - Mengelakkan sebarang kecederaan
  - Menghormati hak klien dalam membuat keputusan
- S37 “Sepanjang perbincangan kita, dapat dinyatakan di sini bahawa kamu mempunyai dua masalah iaitu masalah dengan ibu bapa dan masalah pelajaran. Antara kedua-dua masalah ini, masalah mana yang paling mengganggu diri kamu”? Tanya Cikgu Shukor kepada Rahimin. Apakah tujuan Cikgu Shukor bertanyakan soalan itu kepada pelajar tersebut?
- Meneroka masalah
  - Membina hubungan
  - Membincang alternatif
  - Mengenal pasti punca masalah

**SULIT**

BBB 30302

**Rajah S38**

- S38** Rajah S38 menunjukkan salah satu tahap kesedaran manusia mengikut pelopor Teori Psikoanalisis iaitu Sigmund Freud. Manakah tahap kesedaran manusia boleh diterjemahkan pada Rajah S38?
- A. Alam sedar
  - B. Alam mimpi
  - C. Alam prasedar
  - D. Alam tidak sedar
- S39** Menurut Sulaiman (1996), bimbingan kerjaya
- A. meliputi perkhidmatan dan aktiviti berkaitan dengan program kaunseling dan pendidikan kerjaya
  - B. meliputi aktiviti pemilihan pekerjaan, perancangan kerjaya, persediaan, penempatan, dan penyesuaian dalam pekerjaan
  - C. merupakan proses menolong berfokuskan kepada kesedaran kendiri, minat, sikap yang melibatkan individu terlatih dan berlesen
  - D. merupakan proses mendidik melibatkan maklumat-maklumat diberikan kepada pelajar dalam usaha untuk membantu pelajar bergerak maju
- S40** Berikut merupakan tanggungjawab seseorang kaunselor kecuali
- A. memantau tingkah laku klien yang kurang wajar
  - B. mengamalkan kemahiran mengurus tingkah laku tersebut
  - C. memerhati tingkah laku klien yang berlainan atau berbeza
  - D. merancang untuk mengukuhkan tingkah laku klien yang wajar

## SULIT

BBD 30302

- S41** Tujuan teori ini ialah memberi kesedaran kepada individu bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang tersendiri. Teori ini juga menyebabkan individu akan lebih berdikari, memberi kesedaran dalam pelbagai perkara. Berdasarkan kenyataan tersebut, manakah teori yang dimaksudkan?
- A. Teori Realiti
  - B. Teori Gestalt
  - C. Teori Eklektik
  - D. Teori Pemusatkan Klien
- S42** Antara berikut, manakah merupakan konsep kaunseling yang menerangkan tentang kepatuhan kaunselor kepada orgsanisasi, majikan dan profesionnya?
- A. *Fidelity*
  - B. Autonomi
  - C. *Beneficence*
  - D. *Nonmaleficence*
- S43** Prinsip teori ini menyatakan bahawa persepsi subjektif manusia membentuk perilaku dan struktur keperibadian yang meyakinkan. Teori ini merujuk kepada
- A. Teori Realiti
  - B. Teori Perlakuan
  - C. Teori Rasional Emotif
  - D. Teori Psikologi Individu
- S44** Manakah antara berikut merupakan ciri yang paling tepat menerangkan bimbingan di sekolah?
- A. Usaha memupuk sikap positif dalam kalangan pelajar
  - B. Perkembangan peribadi dan sosial, akademik dan kerjaya
  - C. Dijalankan ke atas pelajar yang mempunyai masalah disiplin
  - D. Klien terdiri daripada tiga kategori iaitu dijemput, dirujuk dan sukarela
- S45** Dalam prosedur proses kaunseling, apakah tujuan seorang kaunselor meneroka masalah klien?
- A. Menjadikan klien lebih selesa dan rasa selamat
  - B. Mengetahui keadaan emosi, pemikiran dan kestabilan diri klien
  - C. Mewujudkan suasana mesra supaya klien merasa dirinya diterima
  - D. Menyediakan kaunselor mengetahui serba sedikit tentang profil klien
- S46** Antara berikut, manakah antara berikut merupakan program yang paling sesuai dilaksanakan untuk membantu menyelesaikan masalah kerjaya pelajar?
- A. Kem jati diri
  - B. Kursus motivasi
  - C. Lawatan sambil belajar
  - D. Pembimbing Rakan Sebaya

## SULIT

BBD 30302

- S47** Antara berikut, pernyataan mana bukan menerangkan akauntabiliti seorang guru bimbingan dan kaunseling terhadap profesionnya?
- A. Mematuhi semua peraturan yang dikuatkuasakan
  - B. Melaksanakan tanggungjawab dengan sepeñuh hati
  - C. Menjalin hubungan yang mesra dengan rakan sejawat
  - D. Meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan profesi
- S48** Antara berikut, perkhidmatan manakah yang tidak ditawarkan oleh unit bimbingan dan kaunseling di sekolah?
- A. Inventori dan rekod
  - B. Perkhidmatan sosial
  - C. Perkhidmatan penilaian
  - D. Perkhidmatan penempatan
- S49** Antara berikut, siapakah pengasas Teori Terapi Rasional Emotif (RET)?
- A. Skinner
  - B. Albert Ellis
  - C. Ivan Pavlov
  - D. Hans Eysenck
- S50** Konsep manakah menunjukkan bahawa seseorang individu berupaya memahami implikasi dan akibat daripada pilihan yang dibuat?
- A. *Fidelity*
  - B. *Autonomy*
  - C. *Beneficence*
  - D. *Nonmaleficence*
- S51** Antara berikut, manakah merupakan domain umum yang bersifat perkembangan dalam perkhidmatan bimbingan di sekolah?
- I Perkembangan emosi
  - II Perkembangan kerjaya
  - III Perkembangan akademik
  - IV Perkembangan peribadi dan sosial
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

**SULIT**

BBD 30302

- S52** Antara berikut, manakah bukan tujuan bimbingan kerjaya dalam konteks bimbingan dan kaunseling di sekolah?
- I Peserta dapat memastikan diri ditempatkan dalam bidang perkerjaan pada masa hadapan tanpa gagal
  - II Peserta dapat mengetahui dan merancang tempat untuk melanjutkan pelajaran pada masa akan datang
  - III Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri mereka dan dapat mengidentifikasi bidang pelajaran
  - IV Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri, mengidentifikasi bidang pelajaran dan kerjaya yang sesuai dengan dirinya
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja
- S53** Berapakah prosedur yang perlu diambil dalam prosedur menjalankan proses kaunseling?
- A. 5
  - B. 6
  - C. 7
  - D. 8
- S54** Sekiranya terdapat kegagalan dalam usaha untuk menyelesaikan masalah, klien perlu menyemak semula pelan tindakan dan membina pelan tindakan yang lebih baik. Antara berikut, manakah merupakan prosedur tersebut?
- A. Meneroka masalah
  - B. Mengambil tindakan
  - C. Membincangkan pilihan
  - D. Mengenal pasti punca masalah
- S55** Antara berikut, manakah merupakan matlamat Teori Eklektik?
- I Membantu klien menghindari alasan
  - II Meningkatkan keberanian dan nilai diri
  - III Membantu klien bina matlamat hidup yang realiti
  - IV Mendidik klien ambil tanggungjawab terhadap diri atau sesuatu
- A. I dan II sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

## SULIT

BBD 30302

**S56** Antara berikut, manakah merupakan penamatan sesi dalam proses kaunseling?

- I. penamatan sesi pemutusan
  - II. penamatan sesi sementara
  - III. penamatan sesi untuk keseluruhan
  - IV. penamatan sesi untuk sesi lanjutan
- A. I, dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja

**S57** Antara berikut, manakah menunjukkan ciri - ciri dalam bimbingan?

- I Taksiran
  - II Inventori
  - III Pemulihan
  - IV Pencegahan
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**S58** Pilih pernyataan yang benar mengenai tugas ketua bimbingan dan kaunseling dalam konteks inventori individu.

- I Mengendalikan fail bimbingan untuk setiap pelajar
  - II Menyelaras, menjaga dan mengemas kini rekod pelajar
  - III Menyelaras dan mengemas kini fail maklumat salah laku pelajar
  - IV Membuat tafsiran atau menjalankan kaji selidik yang difikirkan perlu
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

## SULIT

BBD 30302

- S59** Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), kesahan bermaksud kebolehan ujian mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan merujuk kepada kesesuaian dan kekuatan interpretasi markat ujian dan lain-lain keputusan penilaian dengan merujuk kepada kegunaan tertentu alat ukur tersebut.

Berdasarkan pandangan tersebut, manakah jenis kesahan yang betul?

- I      Kesahan isi
  - II     Kesahan muka
  - III    Kesahan gagasan
  - IV    Kesahan maklumat
- 
- A.    II dan IV sahaja
  - B.   I, II dan III sahaja
  - C.   I, III dan IV sahaja
  - D.   II, III dan IV sahaja

- S60** Teknik ini merupakan strategi membawa keluar konflik dalam melalui suatu proses sebenar yang melibatkan setiap aspek termasuk pergerakan tubuh badan. Antara berikut, manakah teknik yang dimaksudkan dalam Teori Gestalt?

- I      *Rehearsal*
  - II     *Empty chair*
  - III    *Dream work*
  - IV    *Exaggeration*
- 
- A.    I dan II sahaja
  - B.   I, III dan IV sahaja
  - C.   II, III dan IV sahaja
  - D.   I, II, III dan IV

- S61** Proses terapi berdasarkan konsep WDEP dalam Teori Realiti yang digunakan oleh kaunselor untuk menolong klien dalam prosedur menuju ke arah perubahan. Antara berikut, manakah merupakan konsep WDEP?

- I      Menjalankan penilaian kendiri
  - II     Perbincangan dan melaksanakan tindakan
  - III    Meneroka kehendak, keperluan dan persepsi
  - IV    Melihat tingkah laku dan arah tujuan tindakan
- 
- A.    I dan II sahaja
  - B.   I, III dan IV sahaja
  - C.   II, III dan IV sahaja
  - D.   I, II, III dan IV

## SULIT

BBD 30302

**S62** Antara berikut manakah merupakan elemen kepentingan kebolehpercayaan ujian dalam kaunseling?

- I menghasilkan ujian yang stabil
  - II menggalakkan kecerdasan pelajar
  - III markah diberikan berdasarkan pencapaian
  - IV dapat menilai kemahiran, pengetahuan dan sikap pelajar
- A I dan II sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S63** Manakah antara berikut merupakan tiga kategori klien kaunseling kelompok atau individu dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah?

- I Dirujuk
  - II Dipaksa
  - III Sukarela
  - IV Dijemput
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, III dan IV sahaja

**S64** Manakah antara berikut menerangkan proses kaunseling berdasarkan Teori Realiti dengan tepat?

- I menilai alternatif
  - II fokus kepada masa sekarang
  - III tidak menerima sebarang alasan
  - IV fokus kepada tingkah laku semasa
- A. I dan II sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

## SULIT

BBB 30302

- S65** Kaunselor memainkan peranan yang penting untuk membantu klien menyelesaikan masalah. Oleh itu, kaunselor perlu mempunyai perwatakan yang sesuai supaya klien berasa selamat. Antara berikut, manakah merupakan perwatakan seorang kaunselor?
- I Memahami keunikan setiap klien
  - II Mempunyai kemahiran mendengar yang tepat
  - III Sedia menolong, memahami, mesra dan ikhlas membantu
  - IV Memberi galakan klien berubah daripada adaptif kepada maladaptif
- A. I dan II sahaja
  - B. I, II dan III sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S66** Antara berikut, manakah merupakan faktor yang mempengaruhi kebolehpercayaan sesuatu ujian?
- I Jangka masa ujian
  - II Bilangan item yang diuji
  - III Format ujian dan pentadbiran ujian
  - IV Pemeriksa dan pemeriksaan
- A. II dan III sahaja
  - B. I, II dan III sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S67** Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA) merupakan persatuan yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dan kawalan terhadap kaunselor di Malaysia. Antara berikut, manakah merupakan perkara utama dalam kod tatalaku yang perlu dipatuhi oleh kaunselor dalam konteks Malaysia?
- I Menjaga tatalakunya demi memelihara piawai dan identiti sebagai kaunselor
  - II Sentiasa berusaha menilai dan meningkatkan pengetahuan dalam bidangnya
  - III Menjalankan tugasnya dengan penuh rasa tanggungjawab, objektif dan jujur
  - IV Tugasnya mestilah sentiasa diawasi dan dinilai oleh Lembaga Pengurus Sekolah
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**SULIT**

BBD 30302

- S68** Penyalahgunaan dadah menyebabkan pelbagai implikasi terhadap seseorang individu. Antara berikut, manakah merupakan kesan penyalahgunaan dadah seseorang pelajar?
- I Pelajar semakin fokus dalam pelajaran
  - II Pelajar bergiat aktif dalam bidang sukan
  - III Meningkatkan kadar metabolisme badan pelajar
  - IV Pelajar tidak gelisah dalam menghadapi masalah
- A. I dan III sahaja
  - B. II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S69** Ujian personaliti dilaksanakan ke atas seseorang individu untuk mengenal pasti perbezaan antara individu? Antara berikut, manakah merupakan tujuan utama ujian personaliti?
- I. Mengenal pasti potensi diri
  - II. Mengenal pasti keupayaan diri
  - III. Mengenal pasti minat seseorang
  - IV. Mengenal pasti tahap kemahiran
- A. I dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S70** Unit bimbingan dan kaunseling di sesebuah institusi pendidikan beperanan untuk membantu klien menyelesaikan masalah. Antara berikut, manakah menerangkan tentang tujuan bimbingan belajar dengan tepat?
- I. Memahami nilai-nilai yang ada dalam dirinya dan masyarakat di sekitarnya
  - II. Membangunkan disiplin belajar dan terlatih, sama ada secara sendiri mahupun kelompok
  - III. Mengembangkan pemahaman dan pemanfaatan kondisi sosial serta budaya di lingkungan sekolah
  - IV. Perkembangan sikap yang baik terutama dalam mengerjakan tugas untuk mengembangkan ketramplinan
- A. I dan II sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

## **SULIT**

BBD 30302

- S71** Antara berikut, manakah menerangkan tentang seseorang individu merupakan konfigurasi unik dari segi motif, sikap dan nilai. Setiap tindakannya membawa kepada corak gaya hidup.
- I Keperibadian yang konsisten.
  - II Gaya hidup yang dibentuk oleh daya kreatif manusia.
  - III Aktiviti dilihat dari sudut pandangan minat dan sosial.
  - IV Keperibadian berkeyakinan menjadi gaya hidup seseorang.
- A. I dan II sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S72** Apakah elemen penting dalam penilaian?
- I Norma
  - II Kesahan
  - III Kestabilan
  - IV Kebolehpercayaan
- A. I dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S73** Antara berikut, manakah menerangkan tentang konsep bimbingan dan kaunseling dari perspektif barat dengan tepat?
- I Klien diberi peluang untuk meneroka diri mereka
  - II Kaunselor membuat keputusan dan memberi pandangan
  - III Bertumpu kepada perubahan tingkah laku klien ke arah rasional
  - IV Kebolehan kaunselor semata-mata dalam menangani permasalahan klien
- A. I dan II sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**SULIT**

BBB 30302

**S74** Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang ditawarkan di sekolah terbahagi kepada bimbingan pelajaran, bimbingan kerjaya dan bimbingan peribadi dan sosial. Antara berikut, manakah merupakan peranan bimbingan peribadi dan sosial?

- I      Memiliki kesedaran diri
  - II     Menyelesaikan konflik rakan
  - III    Mengembangkan sikap positif
  - IV    Membuat keputusan pilih kerjaya dengan efektif
- A.   I dan III sahaja  
B.   I dan IV sahaja  
C.   II dan III sahaja  
D.   II dan IV sahaja

**S75** Antara berikut, manakah merupakan tujuan parafrasa dalam sesi kaunseling dalam prosedur proses kaunseling?

- I      Membuat penilaian
  - II     Menyemak persepsi
  - III    Meminta penjelasan
  - IV    Memberikan galakan
- A.   I dan II sahaja  
B.   I, III dan IV sahaja  
C.   II, III dan IV sahaja  
D.   I, II, III dan IV

**S76** Antara berikut, manakah merupakan matlamat pendekatan Teori Psikoanalisis?

- I      membuat perubahan perwatakan
  - II     membentuk peringkat kefahaman kendiri
  - III    mengubah suai struktur perwatakan individu
  - IV    mengubah perkara yang tidak sedar kepada sedar
- A.   I dan II sahaja  
B.   I dan IV sahaja  
C.   II, III dan IV sahaja  
D.   I, II, III dan IV

## **SULIT**

BBD 30302

- S77** Antara berikut, manakah merujuk kepada seseorang kaunselor memahami orang lain melalui kendiri seseorang itu?
- I Menyatakan perasaan seseorang yang terselindung
  - II Menjelaskan emosi bercelaru yang melanda seseorang
  - III Memberi maklumat spesifik berkenaan emosi seseorang
  - IV Menunjukkan kaunselor memahami apa yang diperkatakan
- A. I dan II sahaja
  - B. I, II dan III sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja
- S78** Antara berikut, manakah bukan etika kaunseling di Malaysia oleh Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA)?
- I Kaunselor dituntut supaya bertanggungjawab mengutamakan kepentingan klien individu
  - II Kaunselor dituntut supaya bertanggungjawab mengutamakan kepentingan klien organisasi
  - III Kaunselor perlu menyembunyikan perkara tertentu untuk menjaga emosi dan perasaan klien
  - IV Kaunselor boleh menerima perasaan cinta klien jika perkara itu dapat menyelesaikan masalah klien
- A. I dan II sahaja
  - B. III dan IV sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja
- S79** Pelaksanaan ujian perlu menepati pelbagai faktor seperti faktor dalaman dan luaran kesahan. Antara berikut, manakah faktor dalaman kesahan?
- I Pentadbiran ujian
  - II Kekurangan masa
  - III Arahan tidak jelas
  - IV Penggubalan soalan
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja

**SULIT**

BBD 30302

**S80** Antara berikut, manakah merupakan tujuan penggunaan ujian psikologikal dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?

- I Menolong klien membina keyakinan pada konsep kendiri
  - II Menolong klien membuat keputusan dalam masa-masa yang terdesak
  - III Membantu klien memilih bidang pengajian dan pekerjaan yang sesuai
  - IV Meningkatkan lagi pencapaian akademik klien dari semasa ke semasa
- 
- A. I dan II sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**-SOALAN TAMAT-**